

SIARAN MEDIA

PELUNCURAN DASAR FRANCAIS NEGARA (DFN) 2030: PACU EKOSISTEM INDUSTRI FRANCAIS NEGARA DAN PERLUAS AKSES PASARAN DOMESTIK DAN ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 7 FEBRUARI 2025 - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) hari ini melancarkan **Dasar Francais Negara 2030 (DFN 2030)** secara rasmi sempena **PERNAS International Franchise Festival (PIFF2025)**. DFN 2030 merupakan sebahagian daripada usaha strategik untuk memperkukuh ekosistem francais negara dan memperluaskan akses pasaran domestik dan antarabangsa.

DFN 2030 memperkenalkan lima (5) teras utama iaitu menambah baik polisi dan tadbir urus, mempromosi francais sebagai model perniagaan pilihan, memantap kapasiti dan keupayaan usahawan francais, mengoptimum capaian bantuan kewangan kepada usahawan francais dan meningkatkan akses ke pasaran domestik dan antarabangsa. Kesemua teras utama ini selaras dengan aspirasi negara untuk melahirkan lebih ramai usahawan berdaya saing di peringkat global.

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menerusi ucapannya berkata, tema '**Ekosistem Francais Yang Dinamik dan Mampan,**' DFN 2030 akan memacu ekosistem industri francais dan menyokong pertumbuhan serta pembangunan usahawan yang beroperasi di bawah model perniagaan francais.

“DFN 2030 dilihat sebagai platform yang mampu melonjakkan prestasi usahawan, khususnya usahawan francais, ke arah memajukan industri francais secara holistik, membolehkan mereka bersaing di peringkat tempatan dan antarabangsa. Penganjuran PIFF 2025 menyokong usaha dasar ini melalui penyediaan akses kepada usahawan untuk melangkah ke peringkat global, serta platform pengantarabangsaan pertama yang direka khusus untuk memenuhi matlamat dan aspirasi yang terkandung dalam DFN 2030.”

Tambah beliau, “PIFF 2025 juga menginspirasi usahawan francais dengan peluang rangkaian, inovasi perniagaan, dan kolaborasi strategik. PIFF 2025 turut melibatkan penyertaan jenama-jenama terkemuka tempatan dan antarabangsa serta menyediakan platform peluang pekerjaan dalam industri berkaitan. Sempena Kepengerusian ASEAN 2025, KUSKOP menerusi PERNAS turut menekankan

elemen ASEAN termasuklah penyertaan negara-negara ASEAN sebagai pempamer, panel forum dan padanan perniagaan.” tambah beliau.

Pada majlis yang sama, Datuk Ewon Benedick turut menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) dan sesi penyerahan pembiayaan kepada :

1. MoU antara PERNAS dan SME Corp;
2. MoU antara PERNAS dan Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE);
3. MoU antara PERNAS dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK);
4. MoU antara PERNAS dan TERAJU;
5. Penyampaian cek cura Skim Pembiayaan PERNAS .

PIFF 2025 yang bertemakan “**Brew Your Success, Empowering Entrepreneurs**” yang memberi fokus kepada industri kopi, teh dan kafe pada tahun ini. Acara ini turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran produk dan perkhidmatan berkaitan kopi, teh dan kafe, pameran agensi-agensi berkaitan keusahawanan, forum antarabangsa dan keusahawanan, padanan perniagaan, pertandingan “Latte Art”, barista dan cabutan bertuah, pertandingan E-Sport serta persembahan buskers dan mini konsert daripada artis terkemuka.

Acara yang berlangsung dari 7 hingga 9 Februari ini menarik penyertaan meluas daripada pemain industri francais tempatan dan antarabangsa dengan kehadiran pempamer yang terdiri daripada sektor industri kopi, teh dan kafe daripada agensi-agensi keusahawanan dan badan berkanun. Bilangan keseluruhan seramai 150 pempamer dengan 20% penyertaan pempamer antarabangsa dan menyasarkan kehadiran 15,000 pengunjung untuk tiga (3) hari.

Melalui inisiatif ini, KUSKOP melalui agensinya PERNAS yakin industri francais negara akan terus berkembang pesat, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai hab francais yang terkemuka di rantau Asia.

Turut hadir, YB Dato Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri KUSKOP, YBhg. Dato’ Sri Khairul Dzaimie Daud, Ketua Setiausaha KUSKOP, Dato’ Hazimah Zainuddin, Pengerusi PERNAS dan Tengku Mohamed Fadhli Tengku Hamzah, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Operasi PERNAS.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
7 FEBRUARI 2025

Senarai penaja bagi PIFF 2025 :

Gold Sponsors:



Sponsors: